

# PRIME NUTMEG OIL

Nutmeg oil / Menthol (80% w/w / 10% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Prime Nutmeg Oil*
2. Bagaimana *Prime Nutmeg Oil* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Prime Nutmeg Oil*
4. Cara menggunakan *Prime Nutmeg Oil*
5. Semasa menggunakan *Prime Nutmeg Oil*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Prime Nutmeg Oil*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Prime Nutmeg Oil*

Ia digunakan untuk melegakan lebam, sakit otot, terseliuh dan kejang otot.

## Bagaimana *Prime Nutmeg Oil* berfungsi

Ia mengandungi minyak buah pala yang mempunyai kesan ringan *rubefacient*. Ia juga mengandungi menthol yang memberikan rasa sejuk dan seterusnya mengurangkan kesakitan.

## Sebelum menggunakan *Prime Nutmeg Oil*

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika ada alahan terhadap ramuan-ramuan *Prime Nutmeg Oil*.

### - Sebelum mula menggunakan

Penggunaan ubat dihentikan jika iritasi kulit berlaku. Risiko dan kebaikan perlu dipertimbangkan sebelum digunakan untuk ibu mengandung atau menyusukan anak. Keselamatan penggunaan semasa kehamilan atau menyusukan anak belum dipastikan lagi.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

## Cara menggunakan *Prime Nutmeg Oil*

### - Berapa banyak harus diguna

Disapu pada bahagian berkenaan secukupnya seperti yang diperlukan.

### - Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Berapa lama perlu diguna

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

### - Jika menggunakan berlebihan(terlebih dos)

Jika terlebih guna, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

## Semasa menggunakan *Prime Nutmeg Oil*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

## Kesan-kesan sampingan

Menthol boleh memberikan kesan alahan seperti gatal-gatal, kemerahan atau sakit kepala. Jika berlaku sebarang kesan sampingan menjadi serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Prime Nutmeg Oil*

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Minyak jernih, tidak berwarna dengan bau buah pala.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: nutmeg oil and menthol
- Bahan tidak aktif: liquid paraffin

### - Nombor MAL:

MAL19912079X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.

1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

06/04/2017

## Nombor siri

BPK(R4/1)040417/00056